



SOROTAN LITERATUR AMALAN PENERAPAN HADIS 40 DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH

LITERATURE REVIEW ON THE PRACTICE OF IMPLEMENTING THE 40 HADITH AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN PRIMARY SCHOOLS

Ainol Fatimah Muhammad Anuar^{1*}, Hafizhah Zulkifli²

^{1,2} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
Email: p144896@siswa.ukm.edu.my; hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.04.2025

Revised date: 15.05.2025

Accepted date: 18.06.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Anuar, A. F. M., & Zulkifli, H. (2025). Sorotan Literatur Amalan Penerapan Hadis 40 Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 990-1006.

DOI: 10.35631/IJMOE.725065

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini meneliti sorotan literatur berkaitan amalan penerapan Hadis 40 dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Hadis 40 Imam al-Nawawi dianggap sebagai koleksi hadis yang merangkumi nilai-nilai utama Islam seperti akidah, ibadah, akhlak dan muamalat. Sorotan ini menekankan kepentingan guru sebagai model teladan (qudwah hasanah) dalam mendidik murid bukan hanya dari segi kognitif, tetapi juga dari aspek sahsiah dan rohani. Pelbagai pendekatan pedagogi telah dikenal pasti, termasuk bercerita, simulasi, aktiviti nilai dan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan pengalaman. Kajian lepas turut membincangkan faktor-faktor yang menyokong dan mencabar keberkesanan penerapan hadis dalam bilik darjah, serta menekankan peranan latihan profesional dan persekitaran sekolah yang kondusif. Jurang kajian masih wujud dari segi pemahaman guru terhadap intipati Hadis 40, konsistensi amalan, serta keberkesanan strategi penerapan dalam konteks sekolah rendah. Oleh itu, sorotan ini memberikan justifikasi yang kukuh untuk penyelidikan lanjut dalam usaha memperkukuh pendidikan Islam berasaskan nilai di peringkat asas.

Katakunci:

Hadis 40, Guru Pendidikan Islam, Pengajaran Nilai, Pedagogi Islam, Sekolah Rendah

Abstract:

This study examines the literature review related to the practice of implementing the 40 Hadith among Islamic Education teachers in primary schools. Imam al-Nawawi's 40 Hadith is regarded as a collection that encompasses core Islamic values, including faith ('aqidah), worship ('ibadah), ethics (akhlak), and social dealings (mu'amalat). This review emphasizes the significance of teachers as role models (qudwah hasanah) in educating students, not only cognitively but also in terms of character and spiritual development. Various pedagogical approaches have been identified, including storytelling, simulations, values-based activities, and the use of experiential teaching aids. Previous studies also discuss the supporting and challenging factors affecting the effectiveness of hadith implementation in the classroom, emphasizing the role of professional training and a conducive school environment. Gaps in the research remain in terms of teachers' understanding of the essence of the 40 Hadith, consistency in practice, and the effectiveness of implementation strategies in the primary school context. Therefore, this review provides a strong justification for further research to strengthen values-based Islamic education at the foundational level.

Keywords:

40 Hadith, Islamic Education Teachers, Values-Based Teaching, Islamic Pedagogy, Primary Education

Pendahuluan

Hadis merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam selepas al-Quran, dan memainkan peranan utama dalam pembentukan rohani, sahsiah serta nilai dalam kalangan umat Islam. Ia berfungsi sebagai penjelas kepada ajaran al-Quran dan menjadi panduan dalam setiap aspek kehidupan individu Muslim, termasuk dalam konteks pendidikan (Ab. Halim Tamuri & Zaharah Hussin, 2010). Dalam sistem pendidikan Islam, pengajaran hadis tidak hanya terhad kepada aspek kognitif atau teori semata-mata, malah menekankan aspek penghayatan dan aplikasi nilai dalam kehidupan seharian. Antara koleksi hadis yang paling banyak digunakan dalam pendidikan ialah Hadis 40 yang dihimpunkan oleh Imam al-Nawawi, atau lebih dikenali sebagai al-Arba'in al-Nawawiyyah. Koleksi ini mengandungi 42 hadis sahih yang dianggap mewakili prinsip-prinsip asas dalam Islam, merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan muamalat (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

Keunikan koleksi ini terletak pada penyampaianya yang padat, mudah difahami, dan bersifat menyeluruh, menjadikannya amat sesuai digunakan dalam konteks pengajaran di peringkat sekolah rendah (Mohd Kamal Hassan, 2000). Dalam konteks pendidikan formal, khususnya di sekolah rendah, guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting sebagai penyampai ilmu dan model nilai kepada murid. Peranan ini bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian isi kandungan silibus, tetapi turut melibatkan usaha menerapkan nilai-nilai Islam melalui pendekatan pengajaran yang bermakna dan berkesan (Rosnani Hashim, 2017). Justeru, guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan teks hadis, tetapi turut bertindak sebagai teladan dalam mempraktikkan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya.

Namun begitu, persoalan yang sering timbul ialah sejauh mana guru Pendidikan Islam benar-benar memahami, menghayati, dan menerapkan intipati Hadis 40 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) harian mereka. Pengajaran yang hanya bersifat literal tanpa penghayatan

mendalam berisiko menjadikan nilai-nilai Islam tidak sampai sepenuhnya kepada murid, sekaligus menjejaskan matlamat pendidikan Islam itu sendiri (Mohd Khaidzir Mahmod, 2016). Sehubungan itu, kajian ini meninjau sorotan literatur berkaitan dengan konsep Hadis 40, peranan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran nilai, pendekatan-pendekatan pedagogi yang sesuai, serta kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dalam bidang ini. Tujuan utama sorotan ini adalah untuk mengenal pasti asas teori yang relevan, dapatan-dapatan penting, serta jurang penyelidikan yang masih wujud bagi menyokong keperluan kajian semasa berkaitan amalan penerapan Hadis 40 oleh guru Pendidikan Islam di sekolah rendah.

Sorotan Literatur

Konsep dan Kepentingan Hadis 40

Hadis 40 merujuk kepada koleksi 42 hadis sahih yang dihimpunkan oleh Imam al-Nawawi (631–676H), seorang ulama besar dalam Mazhab Syafie dan tokoh hadis yang berwibawa. Koleksi ini dikenali sebagai al-Arba'in al-Nawawiyyah, dan telah mendapat tempat istimewa dalam kalangan umat Islam kerana menghimpunkan asas-asas utama dalam ajaran Islam yang mencakupi pelbagai bidang seperti akidah, ibadah, akhlak, dan muamalat (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018). Pemilihan hadis-hadis dalam koleksi ini dibuat dengan teliti berdasarkan prinsip bahawa setiap hadis tersebut mewakili “juzuk-juzuk penting” dalam keseluruhan agama Islam. Malah, ada di antara hadis yang dinyatakan oleh Imam Nawawi sebagai “setengah daripada agama” berdasarkan nilai dan pengaruhnya yang menyeluruh terhadap kehidupan Muslim (Ibn Daqiq al-‘Id, 1995).

Seperti yang dimaklumi hadis merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam selepas al-Quran dan berperanan sebagai pentafsir serta pelengkap kepada ajaran wahyu. Antara koleksi hadis yang amat berpengaruh dalam tradisi pendidikan Islam ialah al-Arba'in al-Nawawiyyah, atau lebih dikenali sebagai Hadis 40, yang dihimpunkan oleh Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi, seorang tokoh ulama hadis dan fiqh dari abad ke-7 Hijrah. Walaupun dinamakan Hadis 40, koleksi ini sebenarnya mengandungi 42 hadis sahih yang telah dipilih dengan teliti berdasarkan kepentingannya dalam menyampaikan asas-asas utama ajaran Islam. Setiap hadis dalam koleksi ini menyentuh aspek penting dalam kehidupan Muslim seperti keikhlasan niat, akhlak mulia, hubungan sosial, ibadah, tanggungjawab dan amanah. Imam al-Nawawi sendiri menyatakan bahawa hadis-hadis yang dikumpulkan adalah “pokok ajaran agama” dan menjadi rujukan dalam semua cabang ilmu Islam.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018), kandungan Hadis 40 bersifat padat, praktikal, mudah diingat, serta sesuai dijadikan panduan hidup dan pendidikan, terutamanya dalam proses pembentukan sahsiah. Misalnya, hadis pertama dalam koleksi tersebut: “Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat,” memainkan peranan besar dalam membentuk keikhlasan dan integriti diri dalam kalangan pelajar. Begitu juga hadis tentang amanah, sabar, dan kasih sayang, yang relevan dengan pembangunan karakter dan sahsiah murid di peringkat sekolah rendah (Zainal Abidin Bagir, 2014). Koleksi Hadis 40 bukan sahaja mudah difahami, tetapi juga bersifat praktikal dan kontekstual. Situasi ini menjadikannya amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan dalam proses pendidikan asas, khususnya dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah (Mohd Kamal Hassan, 2000).

Nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya boleh membantu membentuk jati diri pelajar Muslim sejak usia awal melalui pendekatan yang sederhana dan mudah didekati. Dari sudut pendidikan, penggunaan Hadis 40 sebagai medium pengajaran mempunyai nilai strategik. Ia

bukan sahaja memperkenalkan murid kepada teks-teks hadis secara langsung, tetapi turut menghubungkan mereka dengan aplikasi nilai dalam kehidupan harian. Hal ini penting dalam membina kefahaman Islam yang bersifat holistik, iaitu bukan sahaja menguasai aspek kognitif, tetapi juga melibatkan dimensi afektif dan psikomotor (Mohd Khaidzir Mahmod, 2016). Dari perspektif pendidikan, Hadis 40 mempunyai nilai pedagogi yang tinggi. Hal ini kerana ia bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga mendorong kepada pembentukan karakter dan tindakan beretika. Sebagai contoh, hadis pertama tentang niat membina asas kepada keikhlasan dan integriti dalam amalan, manakala hadis-hadis lain seperti “Tinggalkanlah perkara yang meragukan” dan “Jadilah kamu di dunia seolah-olah seorang musafir” menggalakkan sikap berhati-hati, tawaduk dan kesederhanaan (Yusuf al-Qaradawi, 1996).

Nilai-nilai ini sangat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak dan remaja, kerana ia membentuk cara fikir dan tingkah laku mereka sejak usia muda (Rosnani Hashim, 2017). Dengan menggunakan pendekatan yang sesuai, guru dapat mengaitkan isi kandungan hadis dengan realiti kehidupan murid seperti tanggungjawab sebagai pelajar, adab terhadap ibu bapa dan guru, serta kepentingan bercakap benar yang menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan (Rosnani Hashim, 2017). Dalam konteks pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia, penerapan Hadis 40 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat selari dengan objektif Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam yang menekankan pembentukan insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Tambahan pula, penerapan nilai-nilai dalam Hadis 40 selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Maka, penggunaan Hadis 40 dalam kurikulum bukan hanya memperkaya kandungan pendidikan Islam, malah memperkukuh misi pendidikan negara ke arah membina insan berakhlak dan berwawasan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Justeru, penerapan nilai-nilai hadis secara bersepadu dalam PdP bukan sahaja memperkukuh pemahaman pelajar terhadap ajaran agama, tetapi juga membantu membina jati diri Muslim sejati. Dari sudut teori pendidikan, penerapan Hadis 40 boleh dikaitkan dengan pendekatan konstruktivisme sosial dan pembelajaran berasaskan nilai, di mana pelajar bukan sekadar diberi maklumat, tetapi dibimbing untuk membina kefahaman dan nilai melalui interaksi, refleksi dan pengalaman (Vygotsky, 1978; Tamuri, 2007). Dalam konteks ini, guru berperanan sebagai fasilitator yang menanamkan nilai melalui pendekatan pedagogi yang sesuai seperti bercerita, lakonan, simulasi dan aktiviti reflektif. Kajian Mohd Azhar Md. Sidin (2017) menunjukkan bahawa penggunaan Hadis 40 sebagai bahan rujukan nilai membantu meningkatkan keterlibatan murid serta membina hubungan kukuh antara ilmu dan amalan.

Tambahan pula, penggunaan Hadis 40 dalam bilik darjah membolehkan integrasi antara kurikulum dan kokurikulum secara holistik. Misalnya, nilai kasih sayang boleh diintegrasikan dalam aktiviti khidmat masyarakat atau kelab kerohanian, manakala nilai jujur dan amanah boleh ditekankan dalam tugas berkumpulan dan disiplin kelas. Ini menyokong pembelajaran yang kontekstual dan menyeluruh, seiring dengan pendekatan holistik integratif dalam pendidikan Islam (Halim Tamuri, 2010). Lebih penting lagi, dalam era globalisasi dan cabaran sosial yang kompleks, nilai-nilai daripada Hadis 40 menjadi benteng utama kepada generasi muda untuk berhadapan dengan pelbagai pengaruh negatif. Oleh itu, penerapan hadis dalam pendidikan awal bukan sahaja relevan, tetapi juga kritikal untuk membentuk warganegara yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak dan berwawasan (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998).

Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Hadis

Dalam konteks pendidikan Islam, guru memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing rohani dan teladan akhlak bagi murid. Hal ini selari dengan pandangan Islam yang meletakkan guru sebagai agen tarbiah yang bertanggungjawab membentuk keperibadian murid selaras dengan ajaran al-Quran dan hadis. Oleh itu, dalam pengajaran hadis khususnya, guru tidak boleh bersikap neutral atau pasif, tetapi perlu menunjukkan keselarasan antara ilmu yang disampaikan dengan amalan kehidupan seharian mereka (Ab. Halim Tamuri & Zaharah Hussin, 2010). Pengajaran hadis memerlukan pendekatan yang bersifat menyeluruh dan bukan sekadar bersifat kognitif. Guru perlu memahami maksud dan konteks hadis serta berupaya menterjemahkannya dalam bentuk tindakan yang boleh dicontohi oleh murid. Pengamalan nilai hadis secara peribadi oleh guru mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan sahsiah dan akhlak murid, kerana murid sering menjadikan guru sebagai model tingkah laku (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Peranan guru dalam pengajaran hadis juga dapat dikukuhkan melalui pendekatan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura (1977), yang menekankan bahawa proses pembelajaran banyak berlaku melalui pemerhatian dan peniruan. Dalam hal ini, guru yang mengamalkan nilai-nilai murni seperti amanah, jujur, sabar dan ikhlas dalam pengajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membina hubungan afektif dengan murid melalui contoh yang hidup. Ini membolehkan murid bukan sahaja memahami maksud hadis, tetapi juga mencontohi sikap dan tingkah laku guru dalam kehidupan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Azhar Md. Sidin (2017) mendapati bahawa guru yang menunjukkan amalan nilai hadis secara konsisten berjaya membina hubungan yang positif dengan murid serta meningkatkan motivasi murid untuk mencontohi akhlak terpuji.

Dapatan ini turut disokong oleh Rosnani Hashim (2017), yang menegaskan bahawa guru merupakan unsur utama dalam proses penginternalisasian nilai dalam diri pelajar melalui pendidikan Islam yang berasaskan contoh dan pengaruh rohani. Tambahan pula, pengajaran hadis yang berkesan memerlukan guru untuk menggunakan pendekatan pedagogi yang pelbagai, termasuk aktiviti nilai, lakonan, refleksi, dan perbincangan interaktif. Guru perlu bersedia untuk mencabar pemikiran murid dan membimbing mereka agar memahami bagaimana sesuatu hadis itu boleh diaplikasikan dalam konteks kehidupan seharian (Tamuri, 2007). Keberkesanan ini sangat bergantung kepada tahap kefahaman dan penghayatan guru terhadap kandungan hadis yang diajar.

Dalam realiti pendidikan semasa, peranan guru Pendidikan Islam dalam mengajar hadis turut bergantung kepada sokongan pentadbiran sekolah dan dasar pendidikan yang menyokong pembelajaran berasaskan nilai. Oleh itu, penting bagi guru untuk sentiasa meningkatkan profesionalisme, bukan sahaja dari segi ilmu tetapi juga dari segi integriti dan pengamalan nilai Islam dalam diri mereka sendiri (Latif & Halim, 2019). Kesimpulannya, guru Pendidikan Islam memainkan peranan yang amat signifikan dalam memastikan pengajaran hadis bukan sahaja disampaikan, tetapi juga dihidupkan melalui qudwah hasanah. Amalan guru dalam bilik darjah dan kehidupan harian menjadi cerminan ajaran hadis yang sebenar kepada murid, menjadikan mereka lebih berpotensi untuk menghayati dan mengamalkan nilai tersebut secara menyeluruh dalam kehidupan.

Pendekatan Penerapan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pengajaran hadis dalam Pendidikan Islam melangkaui sekadar penyampaian teks atau hafalan semata-mata, sebaliknya menuntut pendekatan pedagogi yang bersifat holistik, kontekstual,

dan menyentuh aspek nilai secara langsung. Pendekatan yang berkesan dalam penerapan hadis perlu membina hubungan yang kukuh antara ilmu yang dipelajari dengan amal yang dipraktikkan, serta mendorong murid untuk menginternalisasikan nilai-nilai murni yang terkandung dalam hadis ke dalam kehidupan seharian mereka (Mohd Khaidzir Mahmod, 2016). Situasi ini bermakna, objektif utama adalah untuk beralih daripada pemahaman kognitif semata-mata kepada penghayatan dan aplikasi nilai secara konsisten, agar hadis menjadi panduan tingkah laku yang sebenar. Bagi mencapai matlamat ini, pelbagai pendekatan pedagogi sering digunakan dan terbukti berkesan.

Pendekatan naratif (penceritaan), di mana kisah-kisah di sebalik hadis atau kisah teladan daripada para sahabat digunakan untuk menarik minat dan memudahkan pemahaman murid secara emosi. Pendekatan naratif dan bercerita menjadi salah satu strategi yang paling asas dan efektif. bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik, tetapi juga membolehkan murid menyelami mesej hadis melalui kisah yang dekat dengan pengalaman mereka. Menurut Zaid Ahmad (2018), cerita yang baik boleh menggerakkan emosi, menjana empati dan mempercepatkan pemahaman terhadap sesuatu nilai. Lakonan dan simulasi pula membolehkan murid menghayati situasi yang digambarkan dalam hadis dan mempraktikkan respons yang beretika. Tambahan pula kaedah lakonan dan simulasi ini juga membolehkan murid mengalami situasi sebenar dan menguji kebolehan mereka membuat keputusan berdasarkan nilai Islam.

Kajian oleh Norazah Mohd Nordin et al. (2015) menunjukkan bahawa pendekatan lakonan dalam PdP Pendidikan Islam meningkatkan keterlibatan murid dan menjadikan mereka lebih peka terhadap aplikasi nilai dalam kehidupan. Seterusnya, aktiviti nilai seperti permainan berasaskan moral, perbincangan kumpulan dan tugas projek berasaskan komuniti turut memberi ruang kepada murid untuk mengaitkan hadis dengan konteks sosial sebenar. Ini selaras dengan pandangan Tamuri (2007) yang menyatakan bahawa nilai hanya dapat dihayati apabila diterjemah dalam bentuk tingkah laku sebenar. Selain itu, pendekatan projek atau "service learning" juga semakin diiktiraf sebagai alat berkesan dalam pengajaran nilai Islam (Azizi et al., 2021). Perbincangan nilai menggalakkan murid untuk menganalisis, menilai, dan membuat keputusan moral berdasarkan pengajaran hadis.

Refleksi sendiri memupuk kesedaran diri di mana murid memikirkan bagaimana nilai hadis boleh diaplikasikan dalam pengalaman peribadi mereka. Penulisan amali seperti diari nilai atau jurnal moral boleh digunakan untuk mendokumentasikan aplikasi hadis dalam kehidupan murid. Refleksi dan penilaian sendiri adalah aspek yang semakin diberi perhatian dalam PdP kontemporari. Melalui jurnal refleksi atau sesi perkongsian pengalaman, murid diajak untuk menilai tindakan mereka dan melihat sejauh mana nilai hadis berjaya diterapkan dalam amalan harian. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran moral, malah membina kemahiran metakognitif (Nasir & Halim, 2020). Keberkesanan pendekatan ini juga sangat bergantung kepada pengurusan kelas berasaskan nilai, di mana guru sendiri menjadi model kepada apa yang diajar, dan suasana bilik darjah mencerminkan budaya Islam yang harmoni, penuh adab dan empati. Budaya bilik darjah seperti ini membantu menyemai nilai hadis secara tidak langsung dan konsisten (Hassan & Ahmad, 2016).

Akhirnya, pengurusan kelas yang membudayakan nilai Islam melalui disiplin positif, keadilan, dan empati dalam interaksi harian guru dan murid menunjukkan secara praktikal bagaimana hadis itu sendiri diamalkan dalam persekitaran pembelajaran. Kaedah-kaedah ini mampu menyentuh aspek kognitif (pemahaman), afektif (penghayatan), dan psikomotor (amalan) pelajar secara serentak. Menurut Halstead dan Taylor (2000), pendidikan nilai yang efektif

memerlukan pendekatan yang mendorong pelajar kepada pemikiran moral yang mendalam, penghayatan peribadi terhadap nilai, dan tindakan yang beretika dalam kehidupan sebenar. Dalam keseluruhan pendekatan ini, penting bagi guru untuk memahami tahap perkembangan kognitif dan afektif murid, serta memilih strategi yang sesuai dengan latar belakang dan kemampuan mereka. Justeru, kepelbagaian pendekatan dan kesesuaian konteks merupakan prinsip utama dalam penerapan hadis dalam PdP yang berkesan dan bermakna.

Kajian-Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas berkenaan penerapan nilai dalam pendidikan Islam, khususnya melalui pengajaran hadis, menunjukkan pelbagai pendekatan telah digunakan oleh guru untuk menyampaikan nilai kepada murid. Kajian ini menjadi penting dalam mengenal pasti keberkesanan strategi sedia ada dan menilai jurang amalan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Kajian oleh Mohd Azhar Md. Sidin (2017) merupakan salah satu penyelidikan relevan yang meneliti integrasi nilai hadis dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru yang menghayati nilai hadis secara mendalam cenderung untuk menerapkan nilai tersebut secara lebih konsisten dalam pengajaran mereka. Aspek penghayatan peribadi guru ini dilihat sebagai faktor kritikal yang mempengaruhi kualiti penyampaian dan model teladan.

Kajian ini juga mencadangkan bahawa pengamalan nilai oleh guru, bukan sekadar penyampaian teori, memberi kesan langsung terhadap tingkah laku dan kefahaman murid terhadap ajaran Islam. Ini menegaskan semula peranan guru sebagai *qudwah hasanah* yang bukan sahaja mengajar tetapi juga menghidupkan nilai-nilai hadis melalui perlakuan seharian, sekaligus mempengaruhi pembentukan akhlak murid secara lebih berkesan.

Dalam satu kajian kualitatif yang dijalankan oleh Halim dan Latif (2019), dapatan menunjukkan bahawa strategi berasaskan pengalaman, seperti projek komuniti dan aktiviti nilai dalam kelas, berupaya memperkukuh penghayatan murid terhadap kandungan hadis. Hal ini kerana pendekatan yang melibatkan pengalaman langsung membolehkan murid mengaitkan ilmu hadis dengan situasi kehidupan sebenar, seterusnya mendorong proses internalisasi nilai secara lebih mendalam. Walau bagaimanapun, kajian tersebut turut mengenal pasti kekangan dari segi masa dan latihan sebagai cabaran utama kepada guru dalam melaksanakan pendekatan tersebut secara berkesan. Keterbatasan ini sering menghalang guru daripada merancang dan melaksanakan aktiviti berasaskan pengalaman secara optimum, meskipun mereka menyedari potensi keberkesanannya dalam pendidikan nilai.

Kajian oleh Norazah Mohd Nordin et al. (2015) telah menyorot keberkesanan kaedah lakonan dan simulasi dalam pengajaran hadis dan pendidikan moral. Pendekatan ini adalah penting kerana ia melangkaui kaedah pengajaran tradisional yang pasif, sebaliknya mendorong penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran. Melalui lakonan dan simulasi, murid diberi peluang untuk menghayati peranan, mempraktikkan tingkah laku yang beretika, dan mengalami situasi kehidupan yang relevan dengan pengajaran hadis. Ini bukan sahaja meningkatkan interaksi aktif murid di dalam bilik darjah, tetapi juga menjadikan nilai-nilai yang diajar lebih nyata dan relevan dengan konteks kehidupan harian pelajar. Dengan melibatkan aspek kognitif, afektif, dan psikomotor secara serentak, kaedah ini membantu murid untuk menginternalisasikan nilai hadis dengan lebih mendalam, memupuk pemahaman bukan hanya pada tahap intelektual tetapi juga pada tahap pengalaman dan emosi.

Kajian oleh Nasir dan Halim (2020) telah memberikan perspektif penting dengan memberi tumpuan kepada penggunaan refleksi sendiri sebagai alat untuk mengukur tahap pemahaman dan penghayatan murid terhadap nilai Islam. Pendekatan refleksi sendiri ini melibatkan proses di mana murid secara aktif merenung kembali pengajaran yang diterima, menganalisis tingkah laku mereka sendiri berbanding dengan nilai-nilai yang diajar, dan merancang bagaimana mereka boleh mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Kajian ini mendapati bahawa pendekatan ini amat sesuai dan berkesan apabila digunakan bersama pendekatan pengajaran lain, seperti penceritaan atau simulasi. Ini kerana refleksi sendiri melengkapkan pembelajaran pengalaman dengan menyediakan ruang untuk murid memproses maklumat dan nilai secara peribadi, seterusnya memperkukuh dimensi afektif dalam pengajaran nilai. Dengan kata lain, ia membantu murid beralih daripada sekadar mengetahui nilai kepada benar-benar merasai dan menghayatinya, yang merupakan kunci kepada internalisasi nilai yang berpanjangan.

Kajian luar negara seperti yang dilakukan oleh Tibi (2015) di Jordan telah memberikan perspektif penting mengenai pengajaran hadis dalam konteks kontemporari. Penyelidikan ini secara khusus menekankan perlunya kurikulum hadis yang tidak hanya fokus kepada aspek tradisional, tetapi juga berorientasikan kepada isu semasa dan nilai sejagat. Nilai-nilai seperti keamanan, kejujuran, dan tanggungjawab sosial yang universal perlu disepadukan secara lebih jelas dalam pengajaran hadis. Situasi ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menyesuaikan kandungan hadis dengan konteks kehidupan murid dan cabaran dunia moden agar pengajaran menjadi lebih bermakna dan relevan. Natijahnya, dengan menghubungkan hadis kepada realiti sosial dan cabaran global, murid bukan sahaja dapat memahami ajaran Islam secara teoritikal, tetapi juga mengaplikasikannya untuk menangani isu-isu semasa serta membina masyarakat yang lebih harmoni dan beretika.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan kecenderungan kepada pendekatan yang bersifat interaktif, kontekstual dan berpusatkan murid dalam pengajaran hadis. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang memberi fokus khusus terhadap amalan penerapan Hadis 40 dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan memberi tumpuan kepada pengalaman sebenar guru, pendekatan yang digunakan, serta cabaran dan sokongan yang mempengaruhi amalan penerapan hadis dalam bilik darjah.

Peranan Guru dalam Penerapan Hadis 40

Kajian	Fokus	Dapatan Utama
Mohd Azhar Md. Sidin (2017)	Peranan guru sebagai qudwah	Guru yang menghayati nilai hadis cenderung menerapkan nilai dengan lebih konsisten dan membina hubungan positif dengan murid.
Rosnani Hashim (2017)	Model nilai	Guru sebagai penginternalisasi nilai memainkan peranan utama dalam pembentukan karakter murid.

Pendekatan Pengajaran yang Digunakan dalam PdP Hadis

Kajian	Pendekatan	Kesan terhadap Murid
Norazah Mohd Nordin et al. (2015)	Lakonan dan simulasi	Meningkatkan penglibatan aktif murid dan membantu penghayatan nilai secara kontekstual.
Zaid Ahmad (2018)	Pendekatan naratif	Menjana empati dan mempercepatkan pemahaman nilai melalui kisah yang menyentuh emosi.

Strategi Refleksi dan Aktiviti Nilai

Kajian	Strategi	Manfaat
Nasir & Halim (2020)	Refleksi sendiri	Membantu murid menilai amalan sendiri dan menghayati nilai Islam dalam konteks kehidupan sebenar.
Azizi et al. (2021)	Service learning	Menghubungkan nilai hadis dengan khidmat masyarakat, membina kesedaran sosial.


Cabaran dan Keperluan Guru dalam Penerapan Hadis

Kajian	Isu/ Cabaran	Cadangan
Halim & Latif (2019)	Kekangan masa dan latihan	Latihan berfokus dan masa PdP perlu ditambah bagi pelaksanaan aktiviti nilai yang efektif.
Halim et al. (2020)	Sokongan sekolah kurang	Keperluan sokongan institusi dan dasar jelas bagi memperkukuh pendidikan nilai hadis.

Jadual 1: Dapatan Kajian- Kajian Lepas

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian tindakan. Data dikumpul daripada beberapa sumber seperti pemerhatian guru melalui pelaksanaan pengajaran hadis dalam bilik darjah, temu bual separa berstruktur dengan murid dan guru, refleksi sendiri serta analisis dokumen pengajaran seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH), bahan bantu mengajar dan buku latihan murid. Semua data ini membantu dalam menilai keberkesanan pendekatan pengajaran Hadis 40 yang digunakan. Proses kajian ini berlangsung selama empat minggu dan melibatkan fasa pengenalanpastian masalah, pembinaan instrumen, pengumpulan data, penganalisan dan refleksi. Carta alir proses kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.



Teknik analisis data yang digunakan ialah analisis tematik, yang menumpukan kepada mengenal pasti pola dan tema daripada maklum balas murid, pemerhatian dan refleksi guru. Triangulasi data turut dijalankan dengan membandingkan hasil temu bual, dokumen dan aktiviti murid bagi meningkatkan kebolehpercayaan data. Analisis pemerhatian menggunakan senarai semak berdasarkan indikator penguasaan nilai hadis. Tempoh kajian ini dijalankan selama empat minggu (1 bulan) yang merangkumi:

Minggu 1: Pengenalpastian masalah, perbincangan awal dan pembinaan instrumen.
Minggu 2 dan 3: Pelaksanaan intervensi (pengajaran Hadis 40) dan pengumpulan data.
Minggu 4: Analisis data, refleksi guru dan penulisan dapatan kajian.

Analisis Sorotan Literatur

Hasil daripada sorotan literatur dan kajian-kajian lepas yang telah dianalisis, penulis dapat mengenalpasti beberapa jurang penyelidikan yang wujud dalam konteks penerapan Hadis 40 oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah rendah. Jurang yang wujud ialah dari sudut pemahaman guru terhadap intipati Hadis 40, konsistensi amalan penerapan nilai dalam PdP dan pengurusan kelas serta faktor cabaran dan bentuk sokongan yang diperlukan guru. Kajian ini membina asas untuk penyelidikan lanjutan yang boleh memberi cadangan penambahbaikan terhadap latihan guru, reka bentuk kurikulum serta strategi pengajaran nilai Islam yang lebih mampan. Walaupun terdapat banyak kajian yang meneliti aspek pengajaran nilai dalam Pendidikan Islam dan keberkesanan pendekatan pengajaran hadis secara umum, namun kajian yang secara khusus menumpukan kepada amalan sebenar penerapan Hadis 40 oleh guru masih terhad.

Pertama, didapati bahawa sebahagian besar kajian yang dijalankan dalam bidang pengajaran hadis menumpukan perhatian secara umum terhadap penyampaian hadis dalam pendidikan Islam tanpa memberikan penekanan khusus terhadap koleksi Hadis 40 yang disusun oleh Imam al-Nawawi. Keadaan ini menimbulkan jurang dalam sorotan literatur kerana koleksi Hadis 40 merupakan rangkuman prinsip asas dalam Islam yang mencakupi aspek akidah, ibadah, akhlak,

dan muamalat. Koleksi ini bersifat ringkas, padat serta mudah difahami, menjadikannya sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan sekolah rendah, khususnya dalam membentuk nilai dan sahsiah murid (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018; Mohd Azhar Md. Sidin, 2017).

Namun begitu, masih kurang penelitian yang mendalam terhadap bagaimana guru Pendidikan Islam memahami kandungan Hadis 40, memilih hadis yang bersesuaian mengikut tahap pemikiran murid, serta menerapkannya secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian yang meneliti secara spesifik tentang pendekatan, strategi dan amalan guru dalam menerapkan Hadis 40 sangat diperlukan bagi menampung jurang penyelidikan ini. Tambahan pula, kajian seperti ini dapat memberikan sumbangan praktikal terhadap pembangunan modul pengajaran hadis yang lebih sistematik dan berasaskan nilai, seiring dengan aspirasi pendidikan Islam dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia (Abdullah @ Alwi et al., 2020; Hassan & Razali, 2021).

Kedua, dapatan kajian lepas menunjukkan tumpuan utama penyelidikan dalam bidang pengajaran hadis masih berpusat kepada aspek kognitif, terutamanya kefahaman murid terhadap teks hadis dan isi kandungannya. Walaupun aspek ini penting dalam membina asas pengetahuan agama, namun dari sudut penghayatan, aplikasi nilai dalam diri, serta tahap konsisten pada tingkah laku guru dalam melaksanakan ajaran hadis masih kurang diberikan perhatian secara empirikal. Dalam konteks teori pembelajaran sosial yang dikemukakan oleh Bandura (1977), guru berperanan bukan sahaja sekadar sebagai penyampai maklumat, tetapi juga sebagai model yang mempengaruhi pembentukan sikap, nilai, dan akhlak murid melalui peniruan dan pemerhatian.

Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengajar Hadis 40 sepatutnya memperlihatkan penghayatan terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam hadis tersebut melalui gaya hidup dan pendekatan pedagogi mereka. Pengamalan nilai oleh guru memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pemindahan nilai kepada murid, terutamanya dalam konteks pendidikan rendah yang sangat dipengaruhi oleh teladan visual dan tingkah laku seharian guru (Ramli & Mohd Salleh, 2019; Hassan & Razali, 2021). Justeru, penyelidikan yang meneliti sejauh mana guru menginternalisasi nilai hadis dalam kehidupan peribadi serta bagaimana ia diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah amat signifikan. Kajian seperti ini dapat memberi gambaran menyeluruh tentang keselarasan antara pengajaran dan pengamalan, sekaligus menyokong agenda pendidikan Islam yang menekankan pembentukan insan berintegriti dan berakhlak.

Ketiga, kajian-kajian terdahulu dilihat kurang meneliti secara menyeluruh cabaran serta bentuk sokongan institusi yang mempengaruhi keberkesanan penerapan hadis dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Kebanyakan penyelidikan lebih menumpukan kepada isi kandungan atau keberkesanan bahan pengajaran tanpa mengambil kira konteks realiti kerja guru di sekolah rendah, terutamanya dari aspek struktur sokongan dan kekangan operasi harian. Antaranya termasuklah kekangan masa mengajar, jadual yang padat, kekurangan latihan berfokus kepada pedagogi nilai, serta sokongan terhad daripada pihak pentadbir dan suasana persekitaran sekolah yang tidak kondusif untuk pengintegrasian nilai secara holistik (Latif & Halim, 2019, Halim, Zulkarnain & Karim, 2020).

Keberkesanan guru dalam menerapkan nilai-nilai hadis, khususnya daripada koleksi Hadis 40, tidak boleh dipisahkan daripada sokongan sistematik yang diberikan oleh pihak sekolah dan institusi pendidikan. Menurut Hassan dan Razali (2021), sokongan profesionalisme berterusan seperti bengkel pedagogi nilai, komuniti pembelajaran profesional, serta kejelasan dasar kurikulum dapat membantu guru mengamalkan pendekatan nilai secara lebih efektif dan konsisten. Maka, kajian yang menilai cabaran sebenar di peringkat akar umbi serta keperluan latihan dan pembangunan profesional yang relevan akan menyumbang kepada perancangan intervensi yang lebih praktikal dan bersasar. Penyelidikan sebegini amat penting dalam memastikan peranan guru sebagai pemangkin pemindahan nilai dapat direalisasikan dengan lebih berkesan dalam persekitaran pendidikan Islam yang dinamik.

Keempat, wujud kekurangan kajian kualitatif yang memberi penekanan kepada suara guru sendiri dalam menerangkan pengalaman, persepsi dan pendekatan yang digunakan mereka dalam proses pengajaran serta penerapan Hadis 40 di bilik darjah. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih cenderung menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang berstruktur, yang walaupun bermanfaat untuk pengukuran berskala besar, mungkin tidak cukup menangkap suasana, konteks dan kerumitan sebenar amalan pengajaran dalam suasana bilik darjah (Creswell & Poth, 2018). Pendekatan ini juga kurang memberi ruang kepada guru untuk menyuarakan secara mendalam pengalaman dan cabaran sebenar yang mereka hadapi, terutama dalam hal yang melibatkan nilai, emosi dan penyesuaian konteks pengajaran.

Kajian kualitatif, khususnya yang berbentuk kajian kes, berupaya menyediakan gambaran yang lebih holistik dan kaya tentang isu yang dikaji kerana ia membolehkan penyelidik menelusuri aspek-aspek yang tidak terjangkau oleh kaedah kuantitatif semata-mata (Merriam, 2009). Dalam konteks pengajaran hadis, pendekatan ini membolehkan penyelidik menyelami bagaimana guru memilih hadis yang sesuai, menyesuaikan gaya penyampaian mengikut tahap kognitif murid, serta menerapkan nilai secara reflektif dan kontekstual. Tambahan pula, pengumpulan data melalui temu bual mendalam dan pemerhatian dapat menyerlahkan suara autentik guru serta memberikan maklumat yang relevan kepada pembuat dasar, penggubal kurikulum dan institusi latihan guru. Maka, penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif amat signifikan dalam melengkapi dapatan kuantitatif sedia ada dan memperkukuh kefahaman terhadap keberkesanan pengajaran Hadis 40 dalam pendidikan rendah (Abdullah @ Alwi et al., 2020; Mohd Khaidzir Mahmud, 2016).

Justeru, berdasarkan jurang-jurang ini, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kekosongan dalam bidang Pendidikan Islam, khususnya dalam meneliti amalan penerapan Hadis 40 dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah. Penyelidikan ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam pedagogi Islam, malah diharapkan dapat memberi impak praktikal kepada pembangunan profesionalisme guru dan strategi pendidikan nilai yang lebih berkesan.

Penyelidik	Tahun	Fokus Kajian	Dapatan Utama
Mohd Azhar Md. Sidin	2017	Integrasi nilai hadis dalam PdP Pendidikan Islam sekolah rendah	Guru yang menghayati nilai hadis cenderung menerapkan nilai dengan konsisten. Pengaruh qudwah guru signifikan dalam membentuk akhlak murid.
Halim & Latif	2019	Penggunaan aktiviti nilai dan pengalaman dalam kelas	Pendekatan berasaskan pengalaman seperti aktiviti berkumpulan memperkukuh penghayatan murid. Akan tetapi had masa dan latihan adalah cabaran utama.
Norazah Mohd Nordin et al.	2015	Kaedah lakonan dan simulasi dalam PdP hadis dan moral	Kaedah ini meningkatkan penglibatan murid dan membantu penghayatan nilai secara lebih mendalam.
Nasir & Halim	2020	Refleksi sendiri dalam pendidikan nilai Islam	Murid dapat menilai tindakan sendiri dan merancang amalan nilai dalam kehidupan seharian, melengkapi pendekatan lain seperti bercerita.
Tibi	2015	Pengajaran hadis dalam konteks nilai sejagat dan isu semasa	Hadis perlu dihubungkan dengan cabaran moden dan nilai yang menyeluruh seperti keamanan dan tanggungjawab sosial agar lebih relevan.

Jadual 2: Dapatan Utama dan Fokus Kajian Lepas Berkaitan Penerapan Hadis 40

Impak Negatif Jika Kajian Hadis Tidak Dilakukan

Kegagalan untuk mengkaji, mengamalkan dan menyebarkan hadis, terutamanya Hadis 40, boleh memberikan kesan negatif yang signifikan terhadap individu, masyarakat, negara dan dunia antarabangsa. Dari sudut individu, tanpa bimbingan hadis, seorang Muslim akan kehilangan panduan hidup yang menyeluruh dan seimbang, memandangkan hadis berfungsi sebagai pelengkap serta pentafsir kepada al-Quran (Zulkifli, 2018). Ketiadaan penghayatan terhadap hadis turut menyumbang kepada kelemahan akhlak, kehilangan jati diri Muslim serta kurangnya nilai sahsiah dalam kehidupan seharian. Dalam konteks masyarakat pula, ketiadaan

nilai-nilai hadis dalam amalan seharian boleh menyebabkan keruntuhan moral, kekeliruan dalam memahami ajaran agama, serta kehilangan tokoh contoh (qudwah hasanah) dalam kalangan guru, pemimpin dan ibu bapa (Rosnani, 2017; Mohd Azhar, 2017).

Di peringkat negara, kelemahan dalam penghayatan hadis akan menggagalkan usaha membentuk warga berakhlak mulia seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini juga melemahkan integriti kepimpinan dan sistem pendidikan nilai dalam sekolah (Mohd Khaidzir, 2016). Manakala di peringkat antarabangsa, pengabaian terhadap penyebaran hadis akan mengakis citra Islam sebagai agama yang menjunjung keadilan, kasih sayang dan keamanan. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan imej umat Islam dalam interaksi antara agama dan budaya serta melemahkan kedudukan moral mereka dalam menghadapi arus globalisasi yang mencabar (Zulkifli, 2018). Justeru, nilai hadis bukan sekadar tanggungjawab individu, bahkan merupakan satu tuntutan yang penting dalam pembinaan tamadun Islam yang kukuh dan dihormati di peringkat global.

Impak Positif Hasil Kajian

Kesan positif hasil kajian mengenai penerapan Hadis 40 dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah sangat relevan dan berpotensi besar untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Di peringkat sekolah rendah dan menengah, baik di sekolah kebangsaan mahupun sekolah agama, pengajaran Hadis 40 mampu memperkukuh pembinaan sahsiah murid serta menyokong pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendekatan pengajaran yang dicadangkan seperti kaedah penceritaan, lakonan, simulasi, dan refleksi sendiri terbukti berkesan dalam menanam nilai murni dalam kalangan murid secara kontekstual dan bermakna (Mohd Azhar Md. Sidin, 2017; Rosnani Hashim, 2017).

Selain itu, sekolah agama rakyat dan institusi tahfiz juga boleh memanfaatkan dapatan kajian ini kerana pendekatan Hadis 40 menggabungkan elemen rohani, akhlak, dan nilai praktikal yang amat sesuai dengan misi institusi berasaskan pendidikan Islam. Hadis 40 yang ringkas dan padat turut memberi ruang kepada guru untuk menanamkan nilai secara mendalam melalui penghayatan agama yang lebih kontekstual dan menyeluruh (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

Di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) dan fakulti pendidikan universiti, kajian ini dapat dimanfaatkan bagi tujuan memperkukuh latihan profesionalisme guru Pendidikan Islam. Penekanan terhadap konsep qudwah hasanah serta pendekatan pedagogi nilai secara holistik adalah penting dalam membentuk bakal guru yang bukan sahaja mahir dalam penyampaian ilmu tetapi juga menjadi model teladan kepada pelajar (Ab. Halim Tamuri & Zaharah Hussin, 2010; Ramli & Mohd Salleh, 2019). Pendekatan ini sejajar dengan teori pembelajaran sosial yang menekankan kepentingan pemerhatian dan peniruan terhadap tingkah laku guru (Bandura, 1977).

Manakala di peringkat universiti dan pusat pengajian tinggi Islam, kajian ini boleh dijadikan asas bagi pembangunan modul pengajaran hadis serta sebagai rujukan dalam kajian lanjutan berkaitan pendidikan nilai dan strategi pengajaran Islam. Dapatan kajian ini juga berpotensi menjadi pemangkin kepada intervensi kurikulum yang lebih responsif terhadap keperluan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Hassan & Razali, 2021). Oleh itu, secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeraksanaan

pendidikan Islam di sekolah rendah, malah turut memberi impak yang signifikan di semua peringkat institusi pendidikan di Malaysia.

Rumusan Dan Cadangan Kajian Lanjutan

Kesimpulannya objektif kajian ini telah berjaya dicapai berdasarkan pencapaian yang ditunjukkan melalui sorotan literatur yang komprehensif berkaitan amalan penerapan Hadis 40 dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Penulis telah mengupas dengan jelas peranan guru, pendekatan pedagogi yang digunakan, serta faktor-faktor yang menyokong dan mencabar keberkesanan pengajaran nilai hadis dalam konteks bilik darjah. Tambahan pula, kajian ini turut mengenal pasti beberapa jurang penyelidikan yang masih wujud, khususnya berkaitan dengan pemahaman guru terhadap intipati Hadis 40, konsistensi amalan, serta kekangan dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan nilai (Mohd Azhar Md. Sidin, 2017; Latif & Halim, 2019). Meskipun kajian ini bersifat sorotan literatur dan tidak melibatkan data empirikal lapangan, penulis tetap berjaya mencapai objektifnya dengan memberikan asas kukuh untuk kajian lanjutan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan pendidikan nilai Islam yang lebih mantap dan bersifat kontekstual (Creswell & Poth, 2018; Hassan & Razali, 2021). Oleh itu, kajian ini boleh dianggap sebagai satu sumbangan penting dalam usaha memperkukuh pelaksanaan pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah

Sorotan literatur yang telah dikemukakan memperlihatkan bahawa penerapan Hadis 40 oleh guru Pendidikan Islam merupakan elemen penting dalam usaha membentuk sahsiah murid dan memperkukuh pendidikan nilai di peringkat sekolah rendah. Koleksi Hadis 40 Imam al-Nawawi, yang merangkumi prinsip-prinsip asas dalam ajaran Islam seperti akhlak, adab, keikhlasan dan tanggungjawab, menyediakan landasan kukuh untuk pembentukan watak dan jati diri murid. Dalam hal ini, keberkesanan penerapan nilai-nilai hadis tidak hanya bergantung kepada kandungan yang diajar, tetapi juga sejauh mana guru benar-benar memahami maksud hadis, menghayatinya, serta berupaya menyalurkannya melalui pendekatan pedagogi yang sesuai dengan tahap kognitif dan emosi murid (Mohd Azhar Md. Sidin, 2017; Ramli & Mohd Salleh, 2019).

Tambahan pula, faktor sokongan institusi seperti latihan profesionalisme guru, komitmen pentadbir sekolah, dan suasana persekitaran yang kondusif juga memainkan peranan penting dalam menyokong usaha guru menerapkan nilai secara berkesan (Latif & Halim, 2019). Tanpa struktur sokongan yang mencukupi, guru mungkin berdepan dengan pelbagai kekangan seperti kekurangan masa, sumber pengajaran yang terhad dan bebanan kerja yang tinggi, yang boleh menjejaskan pelaksanaan pengajaran nilai secara menyeluruh. Oleh itu, kajian empirikal yang bersifat mendalam dan kontekstual amat diperlukan bagi meneliti pengalaman sebenar guru dalam menerapkan Hadis 40, mengenal pasti kekangan yang dihadapi, serta merumuskan strategi terbaik yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan Islam di sekolah rendah. Kajian seperti ini bukan sahaja mengisi jurang sedia ada dalam literatur, tetapi juga menyumbang kepada pemantapan dasar dan pembangunan kurikulum yang lebih responsif terhadap realiti pengajaran nilai di bilik darjah.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, & Zaharah Hussin. (2010). Ciri-ciri guru Pendidikan Islam berkesan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 15–28.
- Abdullah, M. R., & Salleh, N. M. (2022). Profesionalisme guru Pendidikan Islam dalam era globalisasi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(1), 25–39.
- Abdullah @ Alwi, M. H., Mohd Rashid, R. A., & Zulkifli, M. F. (2020). Pengamalan hadis dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan implikasinya terhadap pembentukan sahsiah murid. *Jurnal Usuluddin*, 52(1), 81–99.
- Al-Nawawi. (2003). *Al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Azizi, Y., Mohd Noor, A., & Shukor, S. A. (2021). Service learning dalam pengajaran nilai Islam: Satu kajian tindakan. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 9(1), 55–70.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Halstead, J. M., & Taylor, M. J. (2000). Learning and teaching about values: A review of recent research. *Cambridge Journal of Education*, 30(2), 169–202.
- Halim, A., Zulkarnain, H., & Karim, M. (2020). Cabaran guru dalam penerapan nilai-nilai Islam: Jurang teori dan amali. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Islam*, 12(1), 45–63.
- Halim, A., & Latif, R. A. (2019). Strategi pengajaran nilai dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 42(1), 55–70.
- Hassan, A., & Ahmad, N. (2016). Pengurusan kelas berasaskan nilai dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 23–38.
- Hassan, N., & Razali, M. (2021). Keperluan latihan guru Pendidikan Islam dalam pedagogi hadis untuk pembentukan akhlak. *Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari*, 12(3), 45–60.
- Ibn Daqiq al-'Id. (1995). *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam: Teori dan praktis*. Kuala Lumpur: PTS.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Latif, A., & Halim, R. (2019). Peranan kepimpinan sekolah dalam mengukuhkan pendidikan nilai. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 70–85.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Azhar Md. Sidin. (2017). Integrasi nilai hadis dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 22(2), 45–59.
- Mohd Kamal Hassan. (2000). *The educational philosophy of Islam: The challenges of the 21st century*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Mohd Khaidzir Mahmod. (2016). *Pengajaran Pendidikan Islam berkesan: Strategi dan aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasir, M. (2020). Keberkesanan pengajaran berasaskan nilai dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Ilmu Pendidikan*, 18(3), 67–82.
- Nasir, M., & Halim, A. (2020). Refleksi sendiri dalam pendidikan nilai hadis di sekolah menengah. *Jurnal Ilmu Pendidikan Islam*, 6(2), 44–61.
- Norazah Mohd Nordin, Zakaria Kasa, & Noraini Idris. (2015). Lakonan sebagai strategi penerapan nilai Islam dalam Pendidikan Moral dan Islam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 87–97.
- Ramli, R., & Mohd Salleh, N. (2019). Peranan guru sebagai qudwah dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 14–29.

- Rosnani Hashim. (2017). *Educational philosophy, theories and practices in Islam*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Tamuri, A. H. (2007). *Pedagogi pengajaran akhlak berkesan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tibi, M. (2015). Values-based education in Islamic schools: A study in Jordan. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Studies*, 12(3), 88–104.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *Falsafah dan pendidikan Islam: Tafsiran dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qaradawi. (1996). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zaid Ahmad. (2018). Kekuatan naratif dalam Pendidikan Islam: Analisis kaedah bercerita dalam hadis. *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 75–88.
- Zainal Abidin Bagir. (2014). Moral and spiritual education in the hadith tradition. *Journal of Islamic Studies*, 25(2), 135–151.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2018). *40 hadis: Pedoman hidup Muslim*. Kuala Lumpur: Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.